

Headline **Mimos lancar eBioChem**  
Date **16. May 2008**  
Media Title **Berita Harian**  
Section **Ekonomi**  
Circulation **217920**  
Readership **2083000**

Language **MALAY**  
Page No **25**  
Article Size **60** cm2  
Frequency **Daily**  
Color **Black/White**



## Mimos lancar eBioChem

**M**IMOS Bhd semalam melancarkan Gerbang eBioChem, gerbang bagi penyelidikan bioinformatik dan kimia seluruh dunia untuk berkongsi pengetahuan serta kepakaran.

Gerbang itu yang juga projek di bawah KnowledgeGrid Malaysia, Inisiatif Perkomputeran Grid Nasional, dibangunkan secara kerjasama dengan Altair Engineering untuk menyediakan akses yang mesra pengguna, terjamin, pantas dan cekap daripada segi kos kepada keupayaan data dan berkomputer, terutama bagi industri bioinformatik, kimia dan sains hayat.

Gerbang eBioChem dirasmikan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Maximus Ongkili di Persidangan Perkomputeran Grid 2008 yang diadakan bersempena Kongres Teknologi Maklumat Sedunia Ke-16 (WCIT) 2008.

Presiden merangkap Ketua Eksekutif Mimos, Datuk Abdul Wahab Abdullah, berkata KnowledgeGrid Malaysia bukan hanya sekadar perkongsian sumber.